

**AKTA PEMBAHAGIAN
HARTA PUSAKA KECIL TAHUN 1955
SMALL ESTATE (DISTRIBUTION) ACT 1955**

Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955 ialah satu akta yang digubal untuk memproses dan menyelesaikan harta pusaka kecil si mati.

* Permohonan dan penyelesaian dibuat di Pejabat Tanah dan Pentadbir Tanah diberi kuasa mendengar/memutuskan kes pusaka.

Penggunaan Akta in telah menseragamkan pengurusan/pentadbiran penyelesaian pusaka diseluruh Negeri.

Bidang kuasa berkaitan harta pusaka kecil ialah dibawah :-

* Perlembagaan Persekutuan - Jadual Kesembilan Perkara 4(e) (1)
" pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan suratmentadbir pusaka....." sebagai satu **Senarai Persekutuan**.

Pentadbiran Pusaka di Malaysia

■ di Malaysia, urusan penyelesaian harta pusaka menjadi tanggungjawab 4 jabatan/ agensi: -

- * Mahkamah Tinggi
- * Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan/Pejabat Tanah
- * Amanah Raya Berhad
- * Jabatan atau agensi yang terlibat dengan harta berkaitan(biasanya tempat simati bekerja)

** Tanggungjawab jabatan/agensi in dibezakan oleh:

(i) jenis harta pusaka

(ii) bidangkuasa perundangan yang digunapakai oleh
agensi berkaitan.

Majikan Simati (emolumen)

- kakitangan kerajaan/pesara - mati meninggalkan harta – gaji,
elaun tidak melebihi RM 2,000.00 (Pekeliling Perbendaharaan bil 2
tahun 1986 – waris menandatangani borang “indemnity bond”

Harta tak alih

- tanah dan sebarang kepentingan daripada tanah, hak di atas atau
faedah yang terbit atau mungkin terlibat daripada tanah

Harta alih

- termasuk wang simpanan di institusi kewangan, saham-saham,
kenderaan, barang kemas, senjata api dan sebagainya.

Bergantung pada nilai. Jika harta pusaka itu **RM 600,000.00**
ke bawah, ia dikategorikan harta pusaka kecil dan diselesaikan di
Pejabat Tanah. Jika lebih, harta itu tergolong dalam kes pusaka besar
dan diselesaikan di Mahkamah Tinggi.

Dokumen Yang Diperlukan untuk membuktikan kematian

- sijil kematian
- sijil kematian
- permit menguburkan
- surat akuan bersumpah oleh dua orang saksi bebas
- perintah anggapan kematian oleh mahkamah (seksyen 108 akta keterangan)

Cara Memohon

- gunakan borang A Akta berkenaan

- satu permohonan sahaja perlu dibuat

- permohonan dibuat di Daerah dimana tanah yang nilainya yang lebih tinggi

- Permohonan sertakan dokumen berikut:
 - bukti kematian asal
 - salinan kad pengenalan waris
 - salinan buku akaun dan sijil saham
 - salinan hakmilik tanah
 - salinan hakmilik kenderaan

Siapa yang layak memohon ?

- waris-waris yang berhak

- pemberi hutang termasuklah pemegang gadaian/pajakan

- pembeli melalui perjanjian yang sah

- Majlis Agama Islam/Baitul mal
- Amanah Raya Berhad
- Penghulu dan Penolong Pegawai Tanah atas arahan Pentadbir Tanah

Tugas Pentadbir Tanah :-

(1) memproses permohonan

- semak nilai tanah untuk menentukan bidang kuasa penyelesaian samada pusaka kecil atau besar
- Rujuk kepada Pendaftar Pusat Mahkamah Persekutuan, Putrajaya

(2) notis perbicaraan

- Hantar notis kepada semua pihak yang berkaitan
- tempoh notis 14 hari
- kegagalan atau ketinggalan penyerahan notis , perbicaraan dianggap sah kecuali Mahkamah berpendapat kegagalan disengajakan.
- permohonan dianggap ditarik balik oleh pemohon selepas gagal hadir 3 kali notis dikeluarkan, kecuali pemohon terdiri dari pembeli atau pemiutang.

(3) Tatacara perbicaraan dan tanggungjawab Pentadbir Tanah

- waris dan orang berkepentingan hadir pada hari perbicaraan
- waris tidak dapat hadir boleh kemukakan surat persetujuan secara akuan bersumpah
- keterangan semasa perbicaraan secara bersumpah dan ikrar
- meminta saksi-saksi hadir untuk disoal jawab
- menentukan agama dan adat simati
- menentukan cukai pusaka, perbelanjaan pengkebumian, hutang dan bahagian baitul mal jika ada
- melantik penjaga/pemegang amanah bagi waris dibawah umur dan orang tak siuman

(4) Cara pembahagian harta pusaka

- orang islam mengikut hukum faraid
- orang bukan islam mengikut Akta Pembahagian 1958
- pembahagian cara muafakat atas persetujuan waris dan tidak bercanggah dengan undang-undang

(5) Perintah Pembahagian

- perintah turun milik
- perintah lantik pentadbir
- perintah jualan

- perintah secara lelongan awam
- perintah turunmilik kepada pembeli
- perintah mengistiharkan pertelingkahan

(6) Pembahagian Tanah Pusaka di bawah Akta Tanah Penempatan Berkelompok 1960

- penurunan milik hanya kepada seorang sahaja
- di lantik Pentadbir
- jualan secara lelong awam sekiranya lebih dari seorang yang menuntut dan wang jualan dibahagi kepada semua waris ikut faraid

(7) Rayuan

- mana-mana pihak tidak puashati dengan perintah pembahagian boleh buat rayuan ke mahkamah tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh perbicaraan dengan mengisi borang K2
- sekiranya tempoh 14 hari telah luput, pihak merayu boleh mohon ke mahkamah tinggi untuk lanjutkan tempoh rayuan

(8)permohonan yang kemudian (sek. 17 akta pusaka kecil)

- ada harta tertinggal
- lantik pentadbir baru atau batal pentadbir dan pembahagian dibuat
- lantik pemegang amanah baru atau batal pemegang amanah turun milik kepada waris telah dewasa

- menarik balik kaveat pendaftar yang dimasukkan dalam perbicaraan awal

bayaran-bayaran yang dikenakan

- permohonan baru (borang A) – RM 10.00
- permohonan kemudian (borang P) – RM 10.00
- bayaran perintah RM 10.00, salinan perintah satu salinan RM 2.00
- bayaran cukai pusaka bergantung kepada nilai harta pada tarikh mati. Kematian pada 1 november 1992 dan selepasnya tidak dikenakan bayaran cukai pusaka
- rayuan ke Mahkamah Tinggi
 - pertaruhan (deposit) RM 1,500.00
 - bayaran rayuan RM 50.00

Kenapa permohonan pusaka perlu disegerakan

- memudahkan proses pembahagian pusaka
- membolehkan harta pusaka di manfaatkan segera bagi faedah waris

- mengelakkan bilangan waris yang ramai akibat kematian waris-warisan berlapis
- mengelakkan berlakunya tanah terbiar yang merugikan semua pihak
- bayaran pampasan tanah kepada pemilik dengan segera sekiranya tanah terlibat dengan pengambilan tanah
- mengelakkan wang simpanan simati di dalam institusi kewangan dipindahkan kepada perbendaharaan melalui akta wang tidak dituntut

Tanggung jawab Penghulu

- Penghulu mestilah melaporkan kepada Pentadbir Tanah jika waris simati tidak membuat permohonan pusaka selepas 6 bulan dari tarikh kematian simati (sek 18(1) akta)
- selepas 6 bulan Pentadbir Tanah boleh arahkan Penghulu membuat permohonan pusaka – (sek 18 (1))
- jika harta simati bukan harta pusaka kecil, Penghulu dikehendakki lapor kepada Amanah Raya Berhad (sek 18 (1))
- Penghulu boleh dipanggil oleh Pentadbir Tanah dalam mana-mana perbicaraan sebagai saksi (sek 12 (3) akta)
- Penghulu tidak dikenakan apa-apa bayaran bila menuntut permohonan pusaka (sek 18 (2) akta)

Kesimpulan

tuntutan harta pusaka perlu disegerakan untuk mengelakkan kematian berlapis dan menjadikan prosedurnya mudah dan belanja yang murah.